

05/09/2003

IAP komited sokong IT selepas persaraan PM

CYBERJAYA: Anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) menyatakan komitmen bagi menyokong projek mega teknologi maklumat (IT) itu walaupun selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini.

Anggota IAP yang ditemui sependapat projek MSC yang dicetuskan Perdana Menteri pada 1997 sudah menunjukkan kejayaan besar dalam tempoh yang begitu singkat serta berada pada peringkat kedua pembangunan yang sangat menarik.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphic Inc, Bob Bishop, berkata komitmen yang ditunjukkan anggota IAP, terutama dalam memasuki fasa kedua pembangunan MSC semakin meningkat berikutan kejayaan fasa pertama.

Bishop berkata, walaupun mungkin wujud risiko dalam pembangunan fasa kedua, beliau yakin sokongan yang ditunjukkan pelabur akan berterusan.

"Saya juga tidak nampak perubahan dalam pendekatan yang akan diambil selepas Dr Mahathir bersara.

"Malah, saya yakin komitmen yang ditunjukkan semakin besar selepas kita melihat kejayaan fasa pertama," katanya kepada pemberita selepas sesi pagi mesyuarat ke tujuh IAP MSC yang dipengerusikan Dr Mahathir di sini semalam.

Mesyuarat tiga hari di Cyberview Lodge Resort itu dihadiri 31 anggota IAP serta wakilnya, iaitu jumlah kehadiran paling ramai sejak mesyuarat penasihat MSC pertama di Universiti Stanford pada 1997.

Anggota IAP yang hadir termasuk Naib Presiden Eksekutif Motorola Inc. Gene Delaney; Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif SAP Asia Pacific, Hans-Peter Klaey; Naib Presiden Kanan Korporat Fujitsu, Dr Kazuo Murano; Pengerusi dan Ketua Mentor, Infosys Technologies Ltd, N.R. Narayana Murthy; dan Presiden The Heritage Foundation, Dr Edwin J. Feulner.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Pengerusi Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Abdul Halim Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie serta Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Mengulas lanjut, Bishop berkata, masyarakat antarabangsa mungkin ramai yang belum menyedari kejayaan fasa pertama MSC tetapi banyak kejayaan yang sudah terbukti.

Antara termasuk lebih 900 syarikat terbabit terlibat dalam MSC, iaitu satu angka yang tidak diluar jangkauan.

Pada masa sama, MSC berjaya menghasilkan 18,000 peluang pekerjaan di samping mencapai nilai eksport tinggi bagi komponen IT.

"Walaupun rantau ini mengalami krisis ekonomi dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), fasa pertama masih mampu membuktikan kejayaan," katanya sambil menambah MSC melahirkan sistem pendidikan berasaskan kebolehan skil dan latihan bermutu tinggi.

Sementara itu, Presiden ID Track, Robert Madge berkata projek MSC kini mempunyai momentum lebih baik dan percaya mendapat komitmen penuh bagi pembangunan fasa keduanya.

"Adalah sangat menarik bagi kita semua untuk melihat pembangunan fasa keduanya kerana walaupun krisis ekonomi melanda rantau ini pada tahun 1997, fasa pertama MSC mampu bertahan kukuh.

"Semua anggota IAP beriya-iyanya untuk mendapat lebih banyak maklumat bagi

fasa kedua," katanya.

Profesor Universiti Standford, William F Miller berkata, sokongan padu bagi pembangunan MSC tetap diteruskan berikutan momentum yang baik sejak tujuh tahun lalu,

"Pembangunan MSC lebih awal daripada yang dijangkakan. Kita tidak boleh mengharapkan keajaiban dalam semalam, tetapi jika dibandingkan dengan projek IT di Taiwan, MSC sudah ke depan.

"Kita kini menuju peringkat kedua pembangunan yang lebih hebat," katanya sambil menjelaskan Dr Mahathir juga menyatakan beliau akan meneruskan sokongan terhadap projek itu.

Bagaimanapun Miller berkata, bidang pendidikan perlu diberi tumpuan terutama jika MSC dikembangkan termasuk bidang bioteknologi dan nanoteknologi.

"Bidang bioteknologi adalah bersifat saintifik dan untuk berjaya perlu ada asas saintifik yang perlu digarap dalam sistem pendidikan. Kehadiran masyarakat saintifik juga sangat penting," katanya.

Beliau juga berkata mereka yang terbabit dalam MSC terlalu merendah diri dengan kejayaan yang dicapai dan ia perlu dikembangkan supaya mendapat pengiktirafan serta dijadikan model oleh negara lain.

"Dalam fasa kedua, Malaysia perlu ada kepimpinan pengetahuan dan membangunkan idea yang dapat dijadikan model negara lain," katanya.